

PENGARUH HUBUNGAN IBU BAPA-ANAK TERHADAP KETAGIHAN INTERNET KANAK-KANAK DAN REMAJA

The Influence of Parent-Child Relationship on Internet Addiction of Children and Adolescents

Nor Hamizah Ab Razak^{1*}, Norhafisah Abd Rahman²

^{1,2}Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

norhamizah@usim.edu.my¹, norhafisah@usim.edu.my²

*Corresponding Author

Received: 27 April 2023; **Revised:** 26 October 2023; **Accepted:** 26 November 2023; **Published:** 04 December 2023

To cite this article (APA): Ab Razak, N. H., & Abd Rahman, N. (2023). The Influence of Parent-Child Relationship on Internet Addiction of Children and Adolescents. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 12(2), 91–99. <https://doi.org/10.37134/saecj.vol12.2.5.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/saecj.vol12.2.5.2023>

ABSTRAK

Perhubungan ibu bapa anak merupakan penentu kepada pembentukan personaliti anak-anak. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah mengganggu aktiviti normal harian serta memberi tekanan kepada masyarakat termasuklah ibu bapa. Tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa secara tidak langsung menggugat perhubungan ibu bapa-anak. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang telah mengalihkan sektor pendidikan kepada atas talian mendedahkan kanak-kanak dan remaja kepada penggunaan gajet. Tanpa kawalan dan bimbingan daripada ibu bapa, boleh mengundang kepada tingkah laku ketagihan internet. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis perhubungan ibu bapa-anak yang menyumbang kepada kadar ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Selain itu, kajian ini turut mengkaji perkaitan antara perhubungan ibu bapa-anak pasca pandemik keatas tingkah laku ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan subjek kajian yang terdiri daripada 250 orang ibu bapa kepada pelajar sekolah rendah. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan perhubungan ibu bapa-anak dan juga tahap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Manakala, analisis regresi digunakan bagi melihat pengaruh jenis perhubungan ibu bapa-anak terhadap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Dapatan menjelaskan, kebanyakan ibu bapa melihat perhubungan dengan anak adalah rapat, namun terdapat juga yang melihat terdapat konflik dalam perhubungan mereka. Perhubungan yang bercorak konflik ini merupakan menyumbang terbesar kepada tingkahlaku ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Implikasi dan cadangan kajian akan datang turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: hubungan ibubapa-anak, ketagihan internet, kanak-kanak dan remaja

ABSTRACT

Children's personalities are mostly shaped by their relationships with their parents. The worldwide Covid-19 outbreak has disturbed everyday routines and put pressure on society, including parents. The pressure parents experience erodes the parent-child bond inadvertently. Children and adolescents are exposed to the usage of devices as a result of the MCO's implementation, which has moved the education sector online. It can result in internet addiction if there is no parental supervision and direction. This study aims to identify the type of parent-child relationship that contributes to the rate of internet addiction among children and adolescents. In addition, this study also examines the relationship between the post-pandemic parent-child relationship on the internet addiction behavior of children and teenagers. A simple random sampling technique is used in this survey study,

which has 250 parents of elementary school pupils as its study subject. The parent-child relationship as well as the extent of children's and adolescents' internet addiction were both described using descriptive statistical analysis. The impact of the type of parent-child relationship on children's and adolescents' internet addiction was also examined using regression analysis. The research shows that while most parents view their relationship with their child as close, some also perceive conflict in it. The primary cause of children and adolescents' internet addiction behaviour is this conflict-patterned relationship. This study's implications and suggestions for additional research are also covered.

Keywords: *parent-child relationship, internet addiction, children and adolescents*

PENGENALAN

Sejak diperkembangkan pada 1991 melalui JARING (*Joint Advanced Integrated Networking*), Internet dilihat sebagai alat komunikasi yang telah mempercepatkan, memudahkan perhubungan dan capaian maklumat secara meluas. Tinjauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM, 2020) mendapati antara aktiviti utama penggunaan internet ialah komunikasi teks, media sosial, menonton video, panggilan atau komunikasi video dan carian informasi. Namun, kemajuan teknologi yang sentiasa berkembang dengan pengeluaran berterusan tablet, telefon pintar serta peranti baharu telah meningkatkan lagi penggunaan internet dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, sejak kemunculan wabak Covid-19 sekitar 2020, penggunaan internet kian meningkat dengan mendadak yang melibatkan semua lapisan masyarakat termasuklah golongan kanak-kanak dan remaja. Melayari internet telah menjadi satu aktiviti menyeronokkan dan digemari khususnya oleh kanak-kanak dan remaja. Laporan daripada SKMM mendapati peningkatan sebanyak 155 peratus penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja iaitu 18.4 peratus pada 2016 kepada 48 peratus pada tahun 2020 (SKMM, 2020). Bahkan, kajian penggunaan internet oleh SKMM sekitar 2018 mendedahkan secara purata kanak-kanak dan remaja menghabiskan masa selama enam hingga lapan jam sehari untuk teknologi hiburan.

Rentetan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, amnya dan Malaysia khususnya telah memangkin kepada penggunaan teknologi moden dan digital dalam segala aspek kehidupan. Pernyataan 'pandemik' oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyebabkan kerajaan melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang memfokuskan kepada penjarakan sosial bagi mencegah penularan wabak ini. Hal ini telah menghalang kanak-kanak dan remaja daripada berinteraksi, bersosial, keluar rumah serta bermain bersama rakan. Semasa tempoh ini juga kanak-kanak dan remaja menjalani persekolahan menerusi pembelajaran di rumah melalui kelas dalam talian hasil daripada arahan pihak berkuasa. Perkara ini secara tidak langsung mempengaruhi gaya hidup dan kehidupan seharian kanak-kanak dan remaja. Golongan muda dilihat sebagai kelompok yang kurang matang dalam membuat pertimbangan diri yang baik untuk menguruskan masa, kawalan sendiri, tekanan emosi dan keadaan diri mereka sehingga menyebabkan mereka terjerumus dalam kancas ketagihan. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Malaysia (2017) pula mendapati 85.6 peratus remaja menggunakan internet dan 29 peratus daripadanya mengalami ketagihan internet.

Istilah ketagihan internet, ketagihan skrin, ketagihan media sosial dan ketagihan teknologi sering kedengaran. Secara asasnya, ketagihan dapat ditakrifkan sebagai suatu keadaan teringin akan sesuatu. Malah ketagihan terhadap internet menjadi satu isu yang memberi kesan kepada aspek kesihatan mental. Umumnya, tanda-tanda yang menunjukkan

ketagihan internet boleh berbentuk fizikal atau emosi antaranya penambahan atau penurunan berat badan yang keterlaluan, kebersihan diri yang lemah, sakit belakang, sakit kepala, kebimbangan dan kemurungan (Filyntiana *et al.*, 2020). Kedua-dua gejala fizikal dan emosi ketagihan internet adalah akibat daripada kekal tidak aktif untuk tempoh yang lama dan menjadi bergantung kepada penggunaan internet. Menurut statistik SKMM (2019), golongan muda dalam lingkungan usia 20-24 tahun adalah yang tertinggi melayari internet iaitu sebanyak 15.6 peratus berbanding dengan kategori umur yang lain. Manakala jumlah pengguna yang melayari media sosial Facebook adalah tertinggi iaitu 97.3 peratus, Instagram sebanyak 57 peratus dan Twitter 23.8 peratus. Ketagihan terhadap internet atau media sosial ini memuncak semasa PKP dilaksanakan di mana remaja banyak menghabiskan masa di rumah. Bahkan SKMM juga merekod peningkatan sebanyak 23.5 peratus dalam aliran trafik internet di seluruh negara pada minggu pertama PKP, dan seterusnya meningkat lagi sebanyak 8.6 peratus pada minggu kedua (SKMM, 2019).

Keasyikan melayari internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja menimbulkan cabaran baharu kepada institusi keluarga. Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka lah yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak iaitu bermula dari peringkat kelahiran sehinggalah ke peringkat dewasa (Rohner, 2001). Asuhan dan didikan yang sempurna di samping perhatian yang secukupnya serta kasih sayang terhadap anak-anak akan mencorakkan personaliti dan kesejahteraan anak-anak di masa akan datang (Lain Ehmman, 2001). Kajian Abd. Razak dan Norani (2011) mendapati hubungan ibu bapa anak yang baik akan menyebabkan anak merasa diberi perhatian dan saling memerlukan. Menurut Mairin *et al.* (2020), hubungan ibu bapa-anak meliputi perbincangan, penjagaan, khidmat nasihat dan komunikasi yang juga menjadi faktor terhadap corak penggunaan internet anak-anak. Kajian-kajian lepas menjelaskan ibu bapa memainkan peranan penting dalam pengurusan penggunaan internet kanak-kanak (Milosevic *et al.*, 2022; Nor Hamizah & Nur Alya). Kajian terdahulu mendapati wujudnya hubungan songsang antara tahap penggunaan internet dan hubungan ibu bapa- anak (Nguyen *et al.*, 2022; Yaylaci & Ayyildiz, 2020). Begitu juga, kebanyakan kajian melihat perhubungan ibu bapa anak yang lemah menyumbang kepada faktor ketagihan dalam kalangan anak-anak (Ahmadian *et al.*, 2022; Li *et al.*, 2022; Zhu *et al.*, 2022).

Dari perspektif ibu bapa pula, kebergantungan kanak-kanak dan remaja kepada internet boleh menyebabkan kelumpuhan dalam aktiviti harian, perubahan dalam keadaan dan tingkah laku psikologi serta kesan negatif terhadap kualiti hubungan ibu bapa-anak (Farhana *et al.*, 2020; Nagwa *et al.*, 2019). Dalam pada itu, dari aspek pelaksanaan PKP pula kebanyakan ibubapa berada dalam situasi tertekan disebabkan oleh faktor-faktor seperti kesihatan, kewangan, perhubungan sosial dan pengurusan anak-anak (Nor Fatinah *et al.*, 2020; Khatijah, 2021). Disamping itu, arahan kuarantin boleh menjejaskan lagi kesejahteraan psikologi orang dewasa, ibu bapa khususnya. Menurut kajian yang dijalankan ke atas ibu bapa dan kanak-kanak yang dikuarantin pada tahun 2009 semasa influenza H1N1 menunjukkan bahawa pengasingan meningkatkan tekanan psikologi ibu bapa yang seterusnya memberi kesan kepada hubungan ibu bapa- anak (Ila Nursalida *et al.*, 2021). Pada sisi anak-anak pula, mereka kehilangan arah dek kerana rutin kehidupan mereka untuk bersosial telah disekat. Dalam masa yang sama, pelaksanaan sektor pendidikan secara atas talian membuka peluang untuk kanak-kanak dan remaja meneroka dunia digital secara aktif, yang akhirnya menjerat kepada ketagihan.

Landskap penyelidikan mengenai ketagihan internet oleh kanak-kanak dan remaja di Malaysia telah berkembang dengan ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini berikutan peningkatan kadar penggunaan internet yang tinggi golongan ini. Tambahan pula, pelaksanaan PKP untuk mengekang penularan wabak Covid-19 dan pengalihan sistem persekolahan secara atas talian telah menjadikan kebanyakan aktiviti memerlukan penggunaan internet. Begitu juga, kekal berada dirumah dan seringkali melakukan aktiviti bersama skrin tanpa kawalan boleh mengundang kepada ketagihan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Terdapat beberapa kajian mengenai penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja di Malaysia (Muhammad Arif *et al.*, 2021; Patrick *et al.*, 2014; Tan *et al.*, 2022). Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini tidak memfokuskan kepada kesan perhubungan ibu bapa-anak kepada penggunaan internet dalam aspek gejala wabak yang melanda. Oleh itu, kajian ini tertumpu kepada perkaitan antara perhubungan ibu bapa-anak kesan daripada pandemik keatas tahap ketagihan internet anak-anak dan juga mengkaji faktor jenis perhubungan yang menyumbang kepada kadar ketagihan internet kanak-kanak dan ramaja.

METODOLOGI

Kajian dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan, iaitu melalui pengedaran borang soal selidik untuk mengkaji dan menghuraikan pengaruh perhubungan ibu bapa-anak terhadap penggunaan internet kanak-kanak dan remaja. Data kajian diperolehi daripada soal selidik iaitu Skala Perhubungan Ibu bapa-Anak oleh Pianta (1992) untuk mengenal pasti jenis perhubungan ibu bapa-anak dan Ujian Ketagihan Internet Anak-Menurut Ibu bapa oleh Young (2016) untuk mengukur tahap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Skala Perhubungan Anak-Ibu Bapa Pianta (CPRS) ialah instrumen lapor diri yang di lengkapkan oleh ibu bapa bagi menilai persepsi mereka terhadap perhubungan bersama anak. Instrumen ini terdiri daripada 30 item mengenai interaksi ibu bapa dan anak menggunakan skala Likert 5 mata, pastinya tidak terpakai (1 mata), tidak terpakai (2 mata), tidak pasti (3 mata), agak terpakai (4 mata), dan pastinya terpakai (5 mata). Skala ini juga mengukur kedua-dua aspek positif dan negatif hubungan ibu bapa-anak bagi dimensi rapat, konflik dan bergantung. Kajian oleh Akgun dan Yesilyaprak (2010) mengesahkan kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi iaitu alpha Cronbach = 0.85. Seterusnya, Ujian Ketagihan Internet Anak-Menurut Ibu bapa oleh Young (2016) adalah ukuran saringan yang di bangunkan untuk menilai penggunaan dalam talian kanak-kanak dari perspektif ibu bapa. Ujian ini terdiri daripada 20 item menggunakan skala likert enam mata iaitu tidak berkenaan (0 mata), jarang (1 mata), Kadang-kadang (2 mata), kerap (3 mata), selalunya (4 mata), dan sentiasa (5 mata). Skor 80 dan ke atas pada skala ditakrifkan sebagai tahap ketagihan yang "tinggi", mereka antara 50 dan 79 mata sebagai "sederhana", dan mereka yang mendapat markah 49 dan ke bawah sebagai "rendah". Pekali kebolehpercayaan Cronbach alpha adalah 0.90 (Hafize *et al.*, 2013).

Subjek kajian dipilih menggunakan kaedah persempelan rawak mudah yang melibatkan 250 orang ibu bapa kepada pelajar sekolah rendah di sekitar Negeri Selangor. Lokasi pemilihan Negeri Selangor kerana negeri ini mempunyai peratusan penduduk kanak-kanak dan remaja tertinggi iaitu 25.8% bersamaan dengan 1.81 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Subjek kajian ini juga dipilih sebagai sampel dengan tujuan dan fokus kajian iaitu untuk mengenalpasti tahap ketagihan internet, jenis perhubungan ibu bapa-anak dan mengukur pengaruh jenis perhubungan ibu bapa-anak terhadap penggunaan n ketagihan internet kanak-kanak dan remaja.

Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan dua jenis ujian, iaitu deskriptif dan regresi mudah. Analisis deskriptif digunakan untuk mengkaji perhubungan ibu bapa-anak dan juga tahap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja, manakala analisis regresi mudah digunakan untuk mengenalpasti pengaruh jenis perhubungan ibu bapa-anak terhadap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan Jadual 1 menunjukkan perhubungan ibu bapa-anak dan ketagihan internet anak-anak. Dapatan menjelaskan kebanyakan ibu bapa berpendapat memiliki hubungan yang rapat ($M=3.88.0$), diikuti hubungan yang bergantung ($M=3.1970$) dan hubungan konflik ($M=2.7527$). Manakala, Jadual 2 menjelaskan lebih daripada separuh iaitu 69.2 peratus kanak-kanak dan remaja memiliki tahap yang tinggi terhadap ketagihan internet diikuti tahap yang sederhana sebanyak 22.8 peratus dan selebihnya tahap rendah iaitu 8 peratus.

Jadual 1

Jenis perhubungan ibubapa-anak.

Jenis Perhubungan	Min	SP
Rapat	3.8808	.47554
Konflik	2.7527	.64636
Bergantung	3.1970	.54094

Jadual 2

Tahap ketagihan internet.

Tahap	Peratus
Tinggi	69.2
Sederhana	22.8
Rendah	8.0

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan jenis perhubungan ibu bapa-anak penyumbang kepada ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. Dapatan menjelaskan jenis perhubungan konflik menyumbang kepada ketagihan internet kanak-kanak dan remaja yang paling tinggi iaitu sebanyak 59.7 peratus diikuti oleh jenis perhubungan rapat sebanyak 10.3 peratus. Manakala, perhubungan jenis bergantung pula adalah tidak signifikan.

Jadual 3

Jenis perhubungan ibubapa-anak penyumbang kepada ketagihan internet.

Jenis Perhubungan	R Berganda	B	Standard Error	t	Sig
Konflik	.597	.524	.075	7.998	.000
Rapat	.131	.085	.093	-1.410	.000
Bergantung	.017	.012	.086	.194	.160

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini menjelaskan kebanyakan ibu bapa berpendapat anak-anak mereka memiliki tahap ketagihan internet yang tinggi. Perkara ini berlaku rentetan daripada pelaksanaan PKP yang telah memberi 'lesen' kepada kanak-kanak untuk memiliki gajet peribadi. Meskipun terdapat ibu bapa yang sedia maklum tentang kesan negatif daripada penggunaan gajet yang tidak terkawal, namun ibu bapa dalam situasi terpaksa memandangkan gajet merupakan alatan komunikasi utama sesi pembelajaran ketika tempoh PKP. Tambahan lagi, kecanggihan teknologi telah menjadikan medium ini sangat interaktif yang mampu memukau perhatian kanak-kanak dan remaja, khususnya. Bahkan, gajet memiliki kuasa yang luar biasa yang mampu mengikat anak-anak untuk kekal dalam tempoh yang lama, mendiamkan anak kecil yang menangis serta dapat memujuk anak-anak yang tantrum. Selain itu, kandungan internet mengandungi unsur keseronokan dimana kanak-kanak dan remaja dapat beinteraksi dan berhibur secara terus. Tanpa kawalan khususnya daripada ibubapa, perkara ini mengundang kepada ketagihan yang boleh mengganggu proses perkembangan fizikal, sosial, kognitif dan emosi kanak-kanak dan remaja (Nurhafizah & Nor Hamizah, 2023). Bahkan, ketagihan internet boleh memberi kesan sebagaimana kesan toleran dialami akibat dari penyalahgunaan bahan. Seseorang itu akan berasa sangat terdesak untuk kekal dalam talian bagi tempoh waktu yang tertentu. Mereka juga turut mengalami desakan jiwa, mental dan emosi untuk mengekalkan keseronokan dalam berinternet. Di samping itu, mereka turut mengalami sindrom 'withdrawal' iaitu akan berasa tidak selesa, cemas, bimbang dan juga kemurungan jika tidak dapat berdampingan dengan internet untuk sesuatu tempoh.

Usia kanak-kanak dan remaja merupakan tempoh yang sangat kritikal dimana golongan ini memerlukan sokongan, dorongan dan kasih sayang daripada ibu bapa. Dalam situasi pandemik, kesan tekannya dirasai oleh semua lapisan masyarakat termasuklah golongan ibu dan bapa (Ila Nursalida, 2021). Antara tekanan yang dihadapi oleh para ibu bapa seperti isu kesihatan, kewangan, perhubungan sosial dan pengurusan anak-anak (Khatijah, 2021) yang seterusnya boleh menggugat perhubungan ibu bapa-anak. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini mendapati kebanyakan ibu bapa melihat corak berhubungan mereka dengan anak adalah rapat. Ini menjelaskan ibu bapa memiliki hubungan yang baik bersama anak dan interaksi antara anak dan ibu bapa semakin berkembang dan ibu bapa berupaya untuk bertindak sebagai agen sosialisasi, memberi sokongan sosial dan membentuk regulasi sendiri kanak-kanak dan remaja (Lincoln, 2017). Berbeza pula dengan beberapa kajian lain yang menemui pandemik Covid-19 memberi kesan negatif terhadap perhubungan ibu bapa anak-anak (Feinberg *et al.*, 2022; Morelli *et al.*, 2020). Namun, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat juga dalam kalangan ibu bapa yang melihat memiliki hubungan yang konflik dengan anak. Dapatan inilah yang harus diberi perhatian serius. Ini kerana, di usia kanak-kanak dan remaja perhubungan ibu bapa-anak yang baik adalah keperluan utama dalam memastikan pembentukan tingkahlaku serta personaliti anak-anak yang positif. Malahan, kajian ini juga menemui corak perhubungan ibu bapa-anak jenis konflik adalah penyumbang terbesar kepada tingkahlaku ketagihan internet anak-anak iaitu sebanyak 59.7 peratus. Sebagai mana perbincangan di atas, fasa kanak-kanak dan remaja merupakan tempoh yang 'rapuh'. Jika terdapat konflik antara ibu bapa dan anak, maka akan mengganggu proses perkembangan asas seterusnya membentuk personaliti mereka. Malahan, tahap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja dalam kajian ini menunjukkan angka yang merisaukan. Sebanyak 69.2 peratus ibu bapa berpendapat anak-anak mereka memiliki tingkahlaku ketagihan internet.

Perlu difahami, corak kehidupan ketika PKP yang menyekat kanak-kanak dan remaja untuk bersosial, bermain, keluar rumah adalah bertentangan dengan fitrah semulajadi kejadian mereka. Perkara ini telah menjadikan mereka hilang arah. Ditambah pula dengan perhubungan bersama ibu bapa adalah tidak baik, maka telah mengalihkan perhatian mereka kepada hiburan yang sedia tersaji iaitu mengakses kepada internet. Kewujudan rangkaian teknologi yang sangat menepati dengan kehendak sosial, emosi kanak-kanak dan remaja ini telah meletakkan kebergantungan yang tinggi mereka kepada alat teknologi digital ini.

Justeru, kajian ini memberi implikasi kepada para ibu bapa khususnya untuk memahami kepentingan memiliki perhubungan yang baik dengan anak-anak terutamanya dalam tempoh usia kanak-kanak dan remaja. Namun, dalam masa yang sama, ibu bapa juga perlu sentiasa menggali ilmu tentang keibubapaan. Menjadi ibubapa bukanlah tanggungjawab yang mudah, namun berbekalkan ilmu pengetahuan para ibu bapa dapat menguruskan diri sendiri sebagai ibu bapa seterusnya menguruskan keperluan dan tanggungjawab terhadap keluarga. Disamping itu, ibu bapa juga adalah dituntut untuk menguasai kemahiran keibubapaan era teknologi. Ini kerana, gaya asuhan ibubapa perlu selari dengan perkembangan teknologi. Keperluan dan tuntutan ini merupakan satu cabaran baharu kepada ibu bapa untuk merebut kembali takhta dihati anak-anak setelah sekian lama ditakluki oleh teknologi digital, sebagai salah satu usaha mengawal penggunaan internet kanak-kanak dan remaja. Seterusnya, oleh kerana kajian ini tertumpu kepada persepsi ibu bapa terhadap tahap ketagihan internet anak dan corak perhubungan ibu bapa-anak, maka adalah dicadangkan untuk pengkaji akan datang untuk mengembangkan kajian ini dan memfokuskan kepada penerokaan dari perspektif anak-anak pula.

KESIMPULAN

Hubungan ibu bapa-anak yang baik sangat dituntut bagi memastikan kelangsungan perkembangan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak dan remaja. Ianya juga adalah ikatan unik dan menjadi asas kepada keperibadian kanak-kanak, pilihan hidup dan tingkah laku keseluruhannya. Teknologi internet dan kehidupan masa kini tidak dapat dipisahkan. Justeru, adalah menjadi peranan ibu bapa yang mutlak dalam menentukan corak penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Selain itu, ibu bapa dan anak-anak perlu seiring menyelami alam maya supaya tidak ketinggalan dengan arus teknologi yang pantas berubah disamping memanfaatkan teknologi digital untuk kebaikan dan dalam masa yang sama menghindari salah guna kemudahan teknologi ini.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia. ID Geran: PPPI/USIM/FKP/USIM/112023.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Para penulis bertanggungjawab terhadap konsepsi dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data, tafsiran dapatan kajian, serta penyediaan manuskrip.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF (AI)

Tiada sebarang alat kecerdasan buatan generatif (AI) digunakan dalam reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, tafsiran dapatan, atau penulisan manuskrip ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria, & Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 35-44. [https://www.ukm.my/jurfpnd/jurnal%202012/JP36\(1\)%20Chap%204new.pdf](https://www.ukm.my/jurfpnd/jurnal%202012/JP36(1)%20Chap%204new.pdf)
- Akgun, E., & Yesilyaprak, B. (2019). The reliability and validity of Turkish form of the child parent relationship scale. *J Pediatr Res*; 6(1), 56-63. https://cms.jpredres.org/Uploads/Article_26284/JPR-6-56-En.pdf
- Ahmadian, M., Namnabati, M., & Joonbakhsh, F. (2022). Investigation of correlation between Internet addiction and parent-child relationship in girls' adolescence in the COVID-19 pandemic. *J Educ Health Promot*, 11(340). https://doi.org/10.4103/jehp.jehp_1504_21
- Farhana, M., Nishat, F. R., & Kamrul, Q. C. (2020). Parent's perception towards excessive use of technology at early primary (5-7y) level. *IJARIE*, 6(2), 236-246. https://ijarie.com/AdminUploadPdf/PARENT%E2%80%99S_PERCEPTION_TOWARDS_EXCESSIVE_USE_OF_TECHNOLOGY_AT_EARLY_PRIMARY_5_7Y_LEVEL_ijarie11274.pdf
- Feinberg, M. E., Mogle, J., Lee, J. K., Tornello, S. L., Hostetler, M. L., Cifelli, J. A., Bai, S., & Hotez, E. (2022). Impact of the COVID-19 pandemic on parent, child, and family functioning. *Fam Process*, 61(1), 361-374. <https://doi.org/10.1111/famp.12649>
- Filyntiana, T. A., Zurinah, T., Jalaluddin, A. M., & Ahmad Rizal, M. Y. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia. *Jornal of Social Science and community*, 17(9), 126-139. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.1.2023>
- Hafize, K., Necmi, E., & Tugba, K. (2013). Validity and reliability study of the Internet Addiction Test. *Mevlana International Journal of Education (MIJE)*, 3(4), 207-222. <https://doi.org/10.13054/mije.13.51.3.4>
- Khatijah Othman. (2021). Cabaran dan impak pandemik Covid-19 terhadap institusi kekeluargaan di Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14(12), 187-196. https://www.researchgate.net/publication/359414426_CABARAN_DAN_IMPAK_PANDEMIK_COVID-19_TERHADAP_INSTITUSI_KEKELUARGAAN_DI_MALAYSIA
- Lain Ehmann. (2001). *The importance of touch*. Arribella (The magazine of today's woman)
- Li, X., Ding, Y., Bai, X., & Liu, L. (2022). Associations between parental mediation and adolescents' internet addiction: The role of parent-child relationship and adolescents' grades. *Front. Psychol*, 13, 1061631. <http://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1061631>
- Lincoln, C. R., Russell, B. S., Donohue, E. B., & Racine, L. E. (2017). Mother-child interactions and preschoolers' emotion regulation outcomes: Nurturing autonomous emotion regulation. *Journal of Child and Family Studies*, 26(2), 559-573. <https://doi.org/10.1007/s10826-016-0561-z>
- Mairin Gosman, Mohamad Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin, & Siti Rozana Saili. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1).
- Milosevic, T., Kuldass, S., Sargioti, A., Laffan, D.A., & O'Higgins, N. J. (2022) Children's internet use, self-reported life satisfaction, and parental mediation in Europe: An analysis of the EU Kids Online Dataset. *Front. Psychol*, 1(698176), 1-11 <http://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.698176>
- Morelli, M., Cattellino, E., Baiocco, R., Trumello, C., Babore, A., Candelori, C., & Chirumbolo, A. (2020). Parents and children during the COVID-19 lockdown: The influence of parenting distress and parenting self-efficacy on children's emotional well-being. *Front. Psychol*, 11(584645). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.584645>

- Muhammad Arif Mustaqim, Muhammad Badrul Nizam, Muhammad Fathul Hakim, & Azwanis Abdul Hadi. (2021). Parental awareness over their children's internet usage: A review. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 12(1), 30-35.
- Nagwa, N., Elshafie, A. M., Yousra, A., Mashal, A. A. (2019). Parents' perception towards the effect of mobile and internet use on their children's health. *Menoufia Medical Journal*, 32(4), 1472-78. https://doi.org/10.4103/mmj.mmj_203_18
- Nguyen, T. T. P., Nguyen, T. T., Do, H. N., Vu, T. B. T., Vu, K. L., Do, H. M., Nguyen, N. T. T., Doan, L. P., Vu, G. T., Do, H. T., Nguyen, S. H., Latkin, C. A., Ho, C. S. H., & Ho, R. C. M. (2022). Parent-child relationship quality and internet use in a developing country: Adolescents' perspectives. *Front. Psychol*, 13(847278), 1-11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.847278>
- Nor Fatinah Jaafar, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Peranan ibu bapa dalam membantu perkembangan sosial kanak-kanak melalui aktiviti bermain semasa perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue)*, 9 (52-60). <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4537>
- Nor Hamizah Ab Razak, & Nur Alya Hashim. (2022). Pengaruh gaya keibubapaan terhadap penggunaan internet kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(1), 50-57. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.1.5.2022>
- Nur Hafizah Mohd Sukor, & Nor Hamizah Ab Razak. (2023). Children and adolescents' use of internet: Psychological issues and challenges. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 1-11. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.1.2023>
- Nursalida Ali Amran, & Zilal Saari. (2021). Menangani kelesuan upaya ibu bapa (parental burnout) di musim pandemik Covid-19. *Jurnal 'Ulwan Special Issue II: Wanita dan Kesejahteraan Ummah*, 6 (2),74-92
- Patrick, C. H. S., John, P. C., & Kok, W.C. (2014). The Influence of parental and peer attachment on internet usage motives and addiction, peer reviewed. *Jurnal on The Internet*, 19(7), 1-19. <https://firstmonday.org/ojs/index.php/fm/article/download/5099/4100>
- Pianta, R. C. (1992). *Child-parent relationship scale*. <https://scales.arabpsychology.com/s/child-parent-relationship-scale/>
- Rohner, R. P. (2001). Introduction to parental acceptance-rejection theory. <http://csiar.uconn.edu> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2018, 2020). https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/MCMC-Laporan-Tahunan-2020_HiRes_Pages.pdf
- Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). https://www.dosm.gov.my/uploads/content-downloads/file_20221216111215.pdf
- Tan, M. S., Arvinder-Singh, H. S., Lim, W. Y., & Amar-Singh, H. S. S. (2022). Parental control on handphone access and usage among Malaysian children. *Med J Malaysia*, 77(5), 607-611.
- Yaylaci, B., & Ayyildiz, T. K. (2020). The effect of parent-child relationship on the internet use of child. *J Psychiatry Behav Sci*, 3(1), 1042-1046. <http://meddocsonline.org>
- Young, K. S. (2016). *Parent-child internet addiction test (PCIAT)*. Net Addiction. <http://netaddiction.com/parent-childinternet-addiction-test/>
- Zhu, J., Zhang, W., Yu, C., & Bao, Z. (2015). Early adolescent internet game addiction in context: How parents, school, and peers impact youth. *Comput Hum Behav*, 50, 159-168. <http://doi: 10.1016/j.chb.2015.03.079>